

Kenapa sanggup pesong fakta GST?

UTUSAN 14/6

SABAK BERNAM 13 Jun - Tindakan Pas menyebarkan dakwah kononnya mengundi Barisan Nasional (BN) akan memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat menaikkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) adalah satu cubaan memesonng serta meracuni pemikiran rakyat.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, penyebaran dakwah sedemikian tidak sewajarnya dilakukan oleh parti terbabit yang kononnya Islam sebagai perjuangan mereka.

Sebaliknya, pemimpin parti itu perlu bersikap rasional dengan mencari fakta yang sah-hih terlebih dahulu sebelum mengeluarkan kenyataan yang sedemikian yang boleh memberi kefahaman yang salah kepada rakyat menerusi politik yang tidak sihat.

"Sebelum ini Perdana Menteri telah memberi penjelasan munasabah sejak awal pengenalan GST. Kadar yang dikenakan adalah yang paling munasabah kepada rakyat dan kadarnya tidak akan dinaikkan.

"Kenyataan yng bertentangan dengan itu (kononnya kadar GST dinaikkan) adalah sengaja untuk timbulkan rasa tidak puas hati dan memesonngkan kefahaman masyarakat," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan dan merasmikan makmal komputer baharu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Besar di sini, hari ini.

Yang hadir sama Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof.

Malam tadi, Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad ketika menyampaikan ceramah di Pekan Sungai Besar mendakwa Kerajaan Pusat kononnya akan menaikkan kadar GST sekiranya rakyat memberikan kemenangan kepada BN dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar 18 Jun ini.

Selain tuduhan demikian, Is-



MAHDZIR KHALID

kandar turut membuat perbandingan kadar cukai tersebut di negara ini dengan beberapa negara lain di rantau ini.

Terdahulu, Mahdzir menyampaikan bantuan sebanyak RM50,000 sebagai peruntukan untuk menaiktaraf bilik guru sekolah berkeanaan.

Dalam perkembangan lain, Mahdzir turut memaklumkan bahawa Kerajaan Pusat sedang menyelaraskan kurikulum pusat tahfiz di negara ini.

Penyelarasan itu, kata beliau, penting bagi memperkasakan pusat tahfiz di negara ini.

"Kita nak seragamkan kurikulum pusat tahfiz ini supaya ada dasar yang jelas. Sekarang ini jika ada pelajar, ada bangunan terus buka pusat tahfiz.

"Ketika ini kita ada pusat tahfiz di bawah Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) dan kerajaan negeri," ujarnya.